



Mukhriz dilihat sebagai calon sesuai untuk memimpin Pejuang.

SHAH ALAM -

Pengumuman Ahli PRU15
Parlimen Langkawi,
Tun Dr Mahathir Mohamad
untuk tidak bertanding pada
Pilihan Raya Umum ke-15
(PRU15) menimbulkan
persoalan adakah anaknya,
Datuk Seri Mukhriz mampu
menggalas tanggungjawab
memastikan Parti Pejuang
Tanah Air (Pejuang) kekal
relevan.

Ia kerana, pengaruh kuat
Dr Mahathir adalah salah
satu punca Pejuang dilihat
setanding parti lain seperti
Barisan Nasional (BN), Parti
Pribumi Bersatu Malaysia
(Bersatu) dan parti dalam
Pakatan Harapan (PH).

"Apabila Dr Mahathir se-
laku pengasas dan menjadi
tempat bergantung pe-
nyokong dan pemimpin
Pejuang mengundurkan diri
daripada arena politik kesan-
nya memang buruk parti ber-
kenaan.

"Tindakan Dr Mahathir
enggan bertanding dalam
PRU15 sudah pasti memberi
impak besar kepada pe-



***Tindakan Dr
Mahathir enggan
bertanding dalam
PRU15 sudah
pasti memberi
impak besar
kepada pemimpin
dan penyokong
Pejuang." - Dr Jeniri***

mimpin dan pe-
nyokong Pejuang
sama ada mereka ber-
giat aktif di dalam mahu pun
di luar parti ini," kata Felo
Kanan Majlis Profesor
Negara, Dr Jeniri Amir ke-
pada Sinar Harian pada
Rabu.

Pun begitu, Pengerusi
Pejuang itu hanya me-
maklumkan Langkawi akan
memiliki ahli Parlimen ba-
haru dan bukannya beliau
terus berundur dari politik
secara keseluruhan terutama
melibatkan partinya.

Bahkan Perdana Menteri
dua kali itu masih boleh
membantu kempen calon
Pejuang nanti andai keadaan
kesihatannya mengizinkan.

Bagaimanapun realiti
yang terpaksa ditelan pen-
dokong Pejuang mahupun
penyokong iaitu mereka per-
lu sedar, Dr Mahathir pada
usia 97 tahun pada Julai ini,
kesihatannya masih belum
pulih sepenuhnya.

Jeniri berpandangan,
Pejuang akan berdepan ke-
sulitan ketika pengunduran
Dr Mahathir kerana ke-
lompongan ditinggalkan be-
kas Perdana Menteri ke-4
dan ke-7 itu terlalu besar
untuk diisi oleh pemimpin
Pejuang sedia ada termasuk
Mukhriz.

"Saya fikir 'kasut' (jawat-
an dan pengaruh) ditinggal-
kan oleh Dr Mahathir adalah
terlalu besar untuk dipakai
oleh penggantinya termasuk
anaknya Mukhriz mahu pun
mana-mana pemimpin da-
lam parti Pejuang sekarang.

"Justeru, saya melihat ter-
lalu sukar untuk mana-mana
pemimpin dalam Pejuang
untuk mengambil alih dan
memimpin parti berkenaan,
serta melebarkan pengaruh-
nya pada masa depan seperti
dibuat oleh Dr Mahathir,"
katanya.